



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI KEMUDAHAN KESIHATAN (M.13-14 EB.15) KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI KEMUDAHAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Health Policy Management* / *Human resource in Health* / Kesihatan Awam (*Public Health*) / Pengurusan Penjagaan Kesihatan (*Healthcare Management*) / Sains Am (*General Science*) / Sains Kesihatan (*Health Science*) / Sains Perubatan (*Medical Science*) atau bidang yang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai pendedahan kepada *research methodologies* atau *research-based modules* dan mempunyai kemahiran tinggi dalam penggunaan teknologi maklumat dan perisian komputer seperti statistik (*SPSS, Strata*), dan perisian lain seperti *Microsoft Word, Excel, Access, Powerpoint* dan *Sharepoint* adalah juga satu kelebihan.


TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1. Membantu Ketua Jabatan dalam pengurusan, penyelarasan dan perlaksanaan dasar-dasar dan pelan strategik Kementerian Kesihatan ke arah perancangan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang kukuh dan mampan selaras dengan visi dan misi Kementerian Kesihatan;
2. Bertanggungjawab membuat penyelidikan dan penganalisaan maklumat-maklumat melalui kajian *evidence based* yang merangkumi aspek sumber tenaga kerja profesional (*Health Professional*) dan sumber-sumber lain dalam membantu Kementerian mengorak langkah dalam menentukan hala tuju perancangan, pelaksanaan dasar, strategik dan operasi Kementerian kesihatan ke arah sistem penjagaan kesihatan yang lebih efisien berkualiti dan mampan;
3. Membantu Ketua Jabatan menyelaras dan bekerjasama dengan Ketua-Ketua Jabatan di bawah Kementerian Kesihatan dalam pelbagai Penstrukturran Perkhidmatan yang melibatkan sumber tenaga manusia termasuk membuat analisa dan penelitian tugas (*job analysis / job evaluation / job redesign*);



4. Membantu Ketua Jabatan membuat penelitian, penambahbaikan dan pembaharuan garis panduan, dasar ataupun skim perkhidmatan yang sedia ada jika perlu selaras dengan perkembangan profesionalisme profesional kesihatan;
5. Membantu pihak pengurusan Kementerian dalam menyediakan pelan-pelan tindakan yang mendorong kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya khususnya yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pembentukan dasar kesihatan serta pengurusan strategi dan inisiatif kesihatan yang teratur dan berkesan meliputi kepada elemen-elemen tadbir urus sistem kesihatan, pembiayaan penjagaan kesihatan penyampaian perkhidmatan serta maklumat dan data kesihatan;
6. Membantu pihak pengurusan Kementerian dalam pengumpulan dasar-dasar kesihatan atau garis panduan yang ada untuk disemak sama ada untuk membuat penambahbaikan mahupun pembentukkan dasar-dasar dan garis panduan yang baru yang selaras dengan perkembangan sistem penjagaan kesihatan seperti *Standard Operating Procedures / Guidelines for Quality Improvement in Healthcare System, Health Professionals Policies and Guidelines, Health Financing Policies* dan sebagainya yang menjurus ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan cemerlang;
7. Memantau serta memastikan pengemaskinian dan penyemakan semua dasar yang sedia ada dari semasa ke semasa agar dasar tersebut relevan dan selaras dengan dasar-dasar negara terkini dan hala tuju sektor kesihatan dan negara;
8. Membantu pihak pengurusan Kementerian dalam usaha untuk memperbaiki serta meningkatkan lagi tahap keberkesanannya dan kecekapan Kementerian dan Jabatan di bawahnya melalui penyelidikan serta kajian yang melibatkan perkembangan organisasi sistem dan penggunaan sumber-sumber pengurusan;
9. Menyediakan mekanisme dan *framework* pemantauan strategi dan inisiatif-inisiatif kesihatan bagi memastikan perlaksanaan yang teratur serta menepati *KPI* yang telah ditetapkan;
10. Sebagai *leader* dan *developer* kepada kakitangan yang di bawah tanggungjawab dalam menerajui Bahagian / Unit / Fungsi; dan
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



JABATAN DASAR DAN PERANCANGAN

1. Melapor kepada Penolong Pengarah Penyelidikan dan Perkembangan dan Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian kesihatan;
2. Membantu Ketua Bahagaian / Unit atau pegawai yang lebih kanan dalam penggubalan dan penelitian dasar-dasar kesihatan termasuk dasar-dasar perundungan kesihatan iaitu mengumpul maklumat, data dan sumber-sumber rujukan yang diperlukan, dan mengatur sesi konsultasi dan komunikasi bersama pihak-pihak yang berkepentingan di dalam dan di luar Kementerian Kesihatan apabila diperlukan;
3. Membantu dalam menjalankan kajian dan penyelidikan yang menyumbang kepada penambahbaikan dasar dan sistem kesihatan melalui kaji selidik, *literature*, dan *systematic review*, analisis perbandingan (*comparative analysis*), penilaian ekonomik (*economic evaluation*), analisis statistik (*statistical analysis*), dan penyediaan kertas kerja dasar dan saintifik mengenai projek-projek penyelidikan yang diberikan dari semasa ke semasa;
4. Membantu dalam penghasilan data-data dan kertas penyelidikan untuk *publication* dalam bentuk digital dan infografik;
5. Membantu dalam pemeliharaan dan pemantauan serta penambahbaikan Repozitori Dasar-Dasar Kesihatan di Jabatan Dasar dan Perancangan;
6. Membantu menyediakan maklumat-maklumat yang dipohonkan oleh agensi-agensi luar dari Kementerian Kesihatan khususnya bagi mendokong Pelan-Pelan Tindakan, Strategi-Strategi Kebangsaan terutama sekali Wawasan Brunei 2035 dan Pelan-Pelan Induk Ekonomi, Sosial dan Tenaga Manusia apabila diperlukan;
7. Membantu dalam penghasilan laporan tahunan Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa dan bersedia bertugas bila-bila masa dan di mana-mana tempat di negara ini termasuklah di luar waktu bertugas dan hari-hari kelepasan awam jika dikehendaki.